

# Pelajar UPM derma hasil kitar semula

Berita  
Harian  
28 Sept  
2007

**K**UALA LUMPUR: Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini menyumbangkan RM2,000 kepada golongan kurang bernasib baik melalui hasil jualan barang terpakai yang dikitar semula dalam Projek Membudayakan 3R.

Projek ini dinamakan 3R (Recycle, Reuse, Reduce) atau kitar semula, guna semula dan mengurangkan pembaziran yang ternyata berkesan dalam mendidik pelajar UPM kepada amalan mengitar semula barang terpakai yang turut memberikan hasil pendapatan selain dapat membersihkan alam sekitar.

Pengarah projek itu, Mohd Rashid Jamiran, berkata beliau mendapat idea itu semasa bekerja selama setahun di Jepun dan mendapati rakyat di negara itu mengamalkan kitar semula.

"Di Jepun, bandar raya sangat bersih malah pekerja yang memungut sampah mempunyai pakaian seragam dan menjalankan tugas dengan suasana bersih kerana masyarakat di sana sudah menjadikan amalan kitar semula sebagai budaya hidup.

"Saya bersama ahli jawatankuasa berjaya mengumpul RM2,000 hasil daripada aktiviti kitar semula yang kami jalankan di semua 15 fakulti dan 17 kolej kediaman di seluruh UPM dalam masa dua minggu bermula 10 September lalu," katanya pada Majlis Penutup Projek Membudayakan 3R di sini.

Beliau yang juga pelajar tahun akhir Sains Pembangunan Manusia di UPM, berkata tujuan projek itu diadakan adalah menyemai semangat keyakinan dan membentuk semangat sukarelawan di kalangan warga UPM khususnya serta menjadikan ia sebagai budaya hidup masyarakat negara ini.

"Kami berharap budaya ini akan menjadi amalan yang berterusan untuk seluruh warga UPM dan juga rakyat Malaysia bagi memastikan negara ini bersih serta maju," katanya.

Pada majlis itu, sumbangan RM2,000 diserahkan kepada Rumah Anak Yatim Darul Izzah dan penyampaian hadiah kepada kolej yang paling banyak mengitar semula barang terpakai.

Sementara itu, Pengarah Institut Sosial Malaysia, Prof Madya Dr Mohd Fadzil Che Din, berkata projek yang dilaksanakan oleh pelajar ini adalah hasil kreativiti mereka dan harus dipuji.